TARIKH : 3/3/2023
SURAT KHABAR : Harian Metro
MUKA SURAT : 8

lokal

MOHD Asri (dua dari kiri) bertemu dengan Taufek (dua dari kanan) ketika melakukan Kunjungan Ziarah Prihatin di HPP.

'Sudah tiba masa ibu rehat'

Anak warga emas kaki digilis forklift akui ibunya tak pernah duduk diam

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

"Kemalangan ini adalah ketentuan-Nya dan mungkin sudah tiba masanya untuk ibu berehat kerana usia pun sudah mencecah 75 tahun," kata Taufek Marzuki, 36, anak kepada Jami @Jumi Shariff, yang kehilangan kedua-dua belah kakinya selepas digilis trak angkat susun *(forklift)* dalam kemalangan di Kompleks MASKargo di Bayan Lepas di sini, Isnin lalu.

Katanya, sebenarnya sudah banyak kali mereka menasihati ibu mereka supaya berhenti kerja dan berehat di rumah namun dia tetap dengan keputusannya.

Taufek berkata, ibunya adalah seorang yang tidak pernah duduk diam dan bekerja sebagai tukang cuci sekadar mengisi masa lapang.

"Ibu sudah biasa bekerja sejak usia muda dan seorang yang tidak pernah duduk diam, ada sahaja kerja hendak dilakukan.

"Bukan sahaja tiga anaknya, malah ayah juga sudah puas melarang ibu daripada bekerja pada usia berkenaan," katanya ketika menerima Kunjungan Ziarah Prihatin oleh Pengurus Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Georgetown Mohd Asri Mohd Rasid dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Betong Mohd Tuah Ismail di Hospital Pulau Pinang (HPP), kelmarin.

Mengulas lanjut Taufek berkata, ibunya akan bekerja selang sehari bagi tempoh dua atau tiga jam dan pulang dengan dijemput ayah sekitar jam 12 tengah hari.

"Dia bekerja bukan bagi mencari wang semata-mata malah gajinya juga tidak diusik," katanya lagi.

Terdahulu Harian Metro melaporkan mengenai kejadian yang berlaku sekitar jam 12 tengah hari itu turut tular di media sosial.

Kejadian itu mendapat pelbagai reaksi warganet berikutan mangsa yang masih bekerja walaupun sudah berusia 75 tahun.

Berikutan kecederaan parah, kaki kanan mangsa juga terpaksa dipotong sehingga ke paras betis selepas dibawa ke HPP pada hari kejadian.

Menurut Taufek, pada masa ini ibunya berada dalam keadaan stabil di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital berkenaan dan doktor juga sedang mengawasi keadaan semasa kecederaan pada kaki kirinya.

"Ibu ditidurkan sejak kaki kanan dipotong dan kini perkembangannya stabil malah doktor beritahu bahawa jantungnya juga dalam keadaan baik.

"Buat masa ini, doktor masih mengawasi keadaan kaki kiri ibu yang mana difahamkan bahawa mereka cuba selamatkan (kaki kiri) namun masih tidak pasti keadaannya," katanya.

Sementara itu Mohd Asri berkata, kunjungan berkenaan adalah bagi mengenalpasti status kelayakan pekerja di bawah akta serta bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa.

Katanya, bagi faedah kepada pekerja bermajikan mengikut Akta 4, atau skim perkhidmatan kepada yang bekerja sendiri (Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri), pencarum akan diberi perlindungan atau menerima manfaat sekiranya berlaku bencana atau kemalangan berkaitan dengan pekerjaannya.

"Bagi kes seumpamanya, pekerja yang mencarum boleh menerima manfaat perubatan, alat pemulihan dan lain-lain lagi justeru, bagi orang awam yang bekerja sendiri disaran mencarum dengan skim perlindungan yang ditawarkan.

"Perkeso juga kini mempunyai skim baru yang memberi perlindungan khusus kepada suri rumah di bawah Akta 838, Skim Keselamatan Sosial Surirumah (SKSSR) sejak 1 Disember 2022 lalu," katanya.

> "Ayah juga sudah puas melarang ibu daripada bekerja
> Taufek

JAMI menerima rawatan awal di lokasi kejadian.

16 Rabu 01.03.2023 Harian Metro

lokal

Reda kaki isteri kena potong

Wanita warga emas parah selepas kaki kanannya hancur digilis forklift ketika berjalan

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Bayan Lepas

Suami kepada wanita warga emas terpaksa dipotong selepas hancur digilis trak angkat susun (forklift) di kompleks MASKargo di sini, kelmarin, reda dengan nasib menimpa isterinya itu.

Marzuki Omar, 68, berkata, dia menerima kepastian diambil oleh doktor berikutan keadaan kondisi kaki kanan isterinya, Jamsiahbani Sharif, 75, yang terkena akibat kecelakaan ini.

"Isteri sudah menjalani pembedahan kaki kanan di Hospital Pulau Pinang (HPP) malam tadi dan ini dan saya dimaklumkan kaki kanan isteri terpaksa

MAMAK parah selepas dikurung forklift ketika berjalan di kompleks MASKargo di Bayan Lepas. kelmarin.

"Pada masa ini, saya diberitahu pembedahan itu hanya membolehkan kaki kanan sahaja dan maklumat lanjut kelak akan diberitahu doktor," katanya ketika dihubungi.

Rakaman video berdurasi 35 saat yang menampakkan kejadian menimpa isteri

"Pada masa ini, saya diberitahu pembedahan itu hanya membolehkan kaki kanan sahaja dan maklumat lanjut kelak akan diberitahu doktor"
Marzuki

media sosial.

Dalam rakaman video itu, jami yang bekerja di bahagian pembersihan di kompleks MASKargo itu dilanggar trak angkat susun berhampiran ketika berjalan di laluan kargo.

Mengetahui hujan Marzuki yang menetap di Sungai Bertam, Balik Pulau berkata, dia mengetahui kejadian menimpa isterinya pada jam 1.30 tengah hari kelmarin.

"Selak bersara, menjadi rutin saya bagi mengambil jami pulang dari kerja pada jam 12 tengah hari. Agak hairan bunyi jami tidak datang (balik), dan kemudian saya sedut kepuasan untuk pulang ke rumah sebelum menelefonnya.

"Namun saya dikejutkan dengan panggilan telefon daripada kawan-kawan rapat isteri bekerja yang memberitahu dia ditimpa kemalangan, saya terus bergegas ke hospital," katanya.

Menurutnya, dia sempat bertemu dan bercakap dengan jami sebelum isterinya itu memulakan pembedahan.

"Jami bawa beritahu malam sebelum dia dibawa oleh pasukan paramedik ke dewan bedah Wahm apa yang terjadi, saya terima kesalahan ini de-

LAPORAN Harian Metro, kelmarin.

Isteri kedua bekas pegawai tertinggi polis dakwa dipukul

Kuala Lumpur: Isteri kedua kepada bekas pegawai kanan tertinggi polis membuat laporan mendakwa dipukul suaminya di kediaman mereka, kelmarin.

Wanita itu membuat laporan berhubung kejadian berkenaan di Balai Polis Taman Tun Dr Ismail (TTDI), jam 8 malam kelmarin.

Difahamkan kejadian itu berlaku selepas tercetus pergaduhan antara pasangan suami isteri terbabit yang dipercayai berpunca isu harta serta nafkah.

Wanita lingkungan 40-an itu mendakwa dipukul suaminya di bahagian kepala dan belakang leher.

> Mangsa mendakwa dipukul di bahagian kepala dan belakang leher

Sementara itu, bekas pegawai polis berusia lingkungan 70-an terbabit turut membuat laporan polis menerusi peguamnya di balai polis sama jam 3 petang kelmarin.

Bekas pegawai kanan tertinggi polis terbabit membuat laporan mendakwa beliau turut dipukul menggunakan topi keledar dalam kejadian itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Azmi Abu Kassim ketika dihubungi mengesahkan pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu dan siasatan masih dilakukan.